

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BADAN BERUNIFORM**  
**PADA 12 JANUARI 2013**

**Y.Bhg. Assisten Komisioner Polis Kehormat Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,** Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniMAP merangkup Komandan Kor SUKSIS,

**Y.Bhg. Prof. Ismail Daut,** Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Pengarah-pengarah Badan Beruniform Negeri Perlis,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

**Y.Berusaha Mejar Bersekutu Pertahanan Awam, Encik Fahmi Mahamood,** Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP,

Para Jurulatih Kokurikulum dan Badan Beruniform,

Para pelajar kokurikulum badan beruniform sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita bersama-sama pada pagi yang mulia ini dalam **Perhimpunan Bulanan Badan Beruniform** yang pertama kali diadakan pada tahun 2013 ini.

Saya difahamkan Perhimpunan Bulanan Badan Beruniform ini diadakan adalah bagi memupuk semangat patriotisme yang tinggi di kalangan staf dan para pelajar UniMAP. Selain itu, perhimpunan ini juga membolehkan

setiap pasukan badan beruniform mengikuti perkembangan aktiviti dan pencapaian masing-masing sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kita semua.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Pencapaian yang membanggakan di kalangan para pelajar kokurikulum dan badan beruniform sepanjang tahun 2012 yang lalu adalah merupakan hasil kerjasama erat dan semangat kerja berkumpulan di antara pentadbiran Pusat Kokurikulum dan Jurulatih-Jurulatih Kokurikulum serta seluruh Badan Beruniform. Saya menyeru agar semangat ini dapat diteruskan bagi menghadapi cabaran 2013 ini serta tahun-tahun yang akan datang.

Bermula daripada kemasukan pelajar Ijazah Sesi Akademik 2012/2013 yang lalu, semua para pelajar ijazah diwajibkan untuk mengambil kursus badan beruniform sekurang-kurangnya satu tahun atau dua semester selain pelajar diploma yang sememangnya mengikuti kursus badan beruniform sepanjang pengajian mereka. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi jati diri, sahsiah, semangat patriotisme, disiplin, kesetiaan dan rasa kasih serta cintakan Negara.

Sejak kebelakangan ini terdapat begitu banyak anasir-anasir yang kurang sihat yang meracuni pemikiran anak-anak muda pada masa kini. Perkara ini harus dibendung bagi memastikan para pelajar terus berada di dalam landasan yang benar bagi mempersiapkan diri mereka sebagai para pemimpin generasi akan datang. Selain itu, pihak Universiti juga ingin melahirkan para pelajar yang bukan saja cemerlang dari segi akademik tetapi juga diperkasakan kemahiran insaniah mereka melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum dan badan beruniform.

Seperti yang diketahui umum, hari ini merupakan hari **Himpunan Shamsidar** yang diketuai **Perancangan Angkatan Muda Keadilan (AMK)** di Kuala Lumpur . Sehubungan dengan itu, semua staf mahupun pelajar UniMAP ditegah dari menyertai dan terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam sebarang aktiviti berkaitan perhimpunan ini. Sebagai Naib

Canselor saya berharap tiada penglibatan daripada staf mahupun pelajar UniMAP kerana perhimpunan sebegini sudah pasti tidak mendatangkan sebarang keuntungan buat diri kita sebaliknya merugikan.

Hadirin sekalain,

Penyertaan dan penglibatan terutama ketua-ketua jabatan dan staf UniMAP di dalam pasukan badan beruniform adalah digalakkan bagi memberi motivasi dan meniupkan semangat juang yang jitu di dalam pasukan badan beruniform masing-masing. Melalui pengamatan pihak Universiti pada masa kini, para pelajar yang menyertai badan beruniform didapati lebih mudah diterima di pasaran pekerjaan kerana mereka mempunyai disiplin, daya saing, proaktif dan cergas seperti yang diterapkan di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus badan beruniform. Ini juga adalah merupakan ciri-ciri graduan Universiti yang menjadi pilihan organisasi dan majikan pada masa kini.

Saya tidak mahu graduan yang dihasilkan UniMAP hanya cemerlang dalam aspek akademik sahaja malahan mempunyai nilai tambah lain yang mampu menjadikan diri mereka sebagai seorang graduan yang memiliki sahsiah serta personaliti yang unggul.

Sebelum saya mengundur diri, masih tidak terlewat sekiranya saya ingin mengucapkan salam Tahun Baru 2013 kepada setiap pasukan badan beruniform di UniMAP. Semoga tahun 2013 ini akan menjadikan pembangunan kokurikulum dan badan beruniform di UniMAP akan terus gemilang dan maju ke hadapan.

**Semangat Juang Kukuhkan Perpaduan,  
Ketegasan Diri Cerminan Identiti,  
Badan Beruniform Perkasa Graduan,  
Tanamkan Ilmu Pahatkan Dihati**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.